

**SIARAN AKHBAR**  
**3 APRIL 2019**

## **EKUINAS LUPUSKAN SELURUH KEPENTINGAN DALAM MEDIEXPRESS DAN PMCARE**

### **Sorotan Penting: -**

- Ekuinas telah melupuskan seluruh kepentingan ekuiti sebanyak 60% dalam penyedia perkhidmatan Pentadbir Tuntutan Perubatan Pihak Ketiga (*Third Party Administrators*, 'TPA'), MediExpress Group ('MediExpress') dan PMCare Sdn Bhd ('PMCare'), kepada Sumitomo Corporation ('SC'). Para pemegang saham minoriti / tempatan akan melupuskan sebahagian pegangan mereka tetapi masih memegang kepentingan dan kekal sebagai pihak Pengurusan entiti masing-masing. Berikutan proses ini, SC akan muncul sebagai pemegang saham majoriti dalam MediExpress dan PMCare.
- Pelupusan ini akan menjana Kadar Pulangan Dalaman (IRR) minimum sebanyak 38.8%.
- MediExpress menumpukan perkhidmatan kepada syarikat insurans, manakala PMCare menyediakan perkhidmatan terutamanya kepada pelanggan korporat.

**KUALA LUMPUR, 3 APRIL 2019:** Ekuiti Nasional Berhad ('Ekuinas' atau 'Syarikat'), hari ini mengumumkan pelupusan seluruh kepentingannya sebanyak 60% dalam penyedia perkhidmatan Pentadbir Tuntutan Perubatan Pihak Ketiga ('TPA'), MediExpress Group ('MediExpress') dan PMCare Sdn Bhd ('PMCare'), kepada Sumitomo Corporation ('SC'). Pemegang saham minoriti / tempatan akan melupuskan sebahagian pegangan tetapi akan terus memegang kepentingan dan kekal sebagai pihak Pengurusan dalam entiti masing-masing.

Berikutan proses ini, SC akan muncul sebagai pemegang saham majoriti bagi MediExpress dan PMCare.

MediExpress, yang terdiri daripada MediExpress (Malaysia) Sdn Bhd dan Health Connect Sdn Bhd, dan PMCare terlibat terutamanya dalam pengurusan manfaat pesakit dalam serta juga pesakit luar bagi pihak pelanggan-pelanggannya. MediExpress memberi tumpuan kepada syarikat insurans manakala PMCare menyediakan perkhidmatan terutamanya kepada pelanggan korporat. Secara tergabung, kedua-duanya berkhidmat kepada lebih dua (2) juta ahli yang merangkumi lebih daripada 3,000 penyedia perkhidmatan kesihatan di Malaysia.

“Sepanjang tempoh pelaburan, Ekuinas telah berjaya mencapai pelan penciptaan nilai bagi MediExpress dan PMCare. Usaha ini melibatkan penambahbaikan operasi dari segi proses dan sistem, mengukuhkan pasukan pengurusan dan operasi dan juga meningkatkan bahagian pasaran. Menerusi pelupusan ini, Ekuinas akan menjana Kadar Pulangan Dalam (IRR) minimum sebanyak 38.8%,” kata Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir, Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas.

Beliau menambah, “Kami memberi tumpuan pada usaha memastikan rakan kongsi yang seterusnya dilengkapi dengan keupayaan dan wawasan yang sesuai untuk terus merencanakan masa depan positif bagi MediExpress dan PMCare. SC merupakan peneraju industri perkhidmatan kesihatan, dan reputasi serta pengalamannya pasti akan memberi petunjuk yang baik untuk pertumbuhan MediExpress dan PMCare.”

SC ialah syarikat pelaburan perdagangan dan perniagaan global terkemuka yang disenaraikan di *Fortune 500*, dengan 110 lokasi di 65 negara, wilayah dan juga 22 lokasi di Jepun. Seluruh Kumpulan SC merangkumi lebih daripada 900 syarikat. SC melaksanakan urus niaga komoditi dalam semua industri menggunakan rangkaian sedunia, menyedia pelanggan berkaitan dengan pelbagai bentuk pembiayaan, menjadi pengajur dan penyelaras bagi pelbagai projek, dan juga melabur dalam syarikat-syarikat untuk menggalakkan potensi pertumbuhan yang lebih besar. Bidang teras utama SC termasuk Produk Logam, Sistem Pengangkutan dan Pembinaan, Infrastruktur, Media dan Digital, Sektor Berkaitan Kehidupan dan Hartanah, Sumber Mineral, Tenaga serta Bahan Kimia dan Elektronik.

Dengan pelupusan ini, jumlah hasil terealisasi Syarikat mencecah lebih RM2.0 bilion. Ekuinas mula melabur dalam MediExpress dan PMCare pada 2015, yang menandakan penceburan Syarikat dalam bidang penjagaan kesihatan.

-Tamat-

**Mengenai Ekuinas**

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009 dan ia berusaha membina syarikat terkemuka Malaysia generasi akan datang, sambil menggalakkan penjanaan kekayaan serta penglibatan Bumiputera secara saksama dan mampan. Setakat ini, Ekuinas telah melabur dalam syarikat Malaysia yang berpotensi tinggi yang terlibat dalam sektor sasaran teras Ekuinas iaitu pendidikan, barang pengguna laris, minyak dan gas, runcit, penjagaan kesihatan, dan perkhidmatan.

**Hubungan Media:**

**Dau Ming Seling**  
**Klareco Communications Malaysia**

E: [dseling@klarecocomms.com](mailto:dseling@klarecocomms.com)  
T: +603-2276 0990  
M: +6017-888 2808

**Lok Ru Jun**  
**Klareco Communications Malaysia**

E: [rlok@klarecocomms.com](mailto:rlok@klarecocomms.com)  
T: +603-2276 0990  
M: +6012-325 6949